

BAB 1

1.1 Pengenalan

Amalan aktiviti khairat dalam masyarakat Melayu telah wujud sejak sekian lama. Ia bermula dari kedatangan Islam di Tanah Melayu sehinggalah menjadi sebahagian daripada warisan dalam pengamalan aktiviti kebajikan sosial pada masa kini. Hal ini secara tidak langsung telah menunjukkan bahawa Islam merupakan asas dan tunjang terhadap amalan mulia ini. Ini kerana, ia telah membentuk sifat dan sikap masyarakat Melayu untuk hidup dalam semangat kerjasama dan saling membantu antara satu sama lain. Aktiviti khairat juga merupakan satu kegiatan yang luas serta merangkumi pelbagai aktiviti kebajikan.

Khairat merupakan perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Di dalam kitab *Mu^cjam Lughatul ^cArabiyyah Al-Mu^cāṣirah* (2008), khairat dieja dengan (خيرات) dalam Bahasa Arab dan merupakan kata jamak bagi kalimah *khair* (خير). Makna asal bagi kalimah ini ialah baik dan elok. Kalimah ini juga memberi pelbagai makna yang membawa kepada kebaikan dan bergantung kepada tingkatan makna bagi sesuatu perkataan. Sebagai contoh, ia boleh membawa makna (ثروات طبيعية) iaitu sumber semula jadi, (طاعات وأعمال صالحة) iaitu ketaatan dan amal kebajikan.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), skim ialah satu rancangan sistematik yang dibina bertujuan untuk mencapai suatu sasaran atau matlamat. Manakala, khairat merupakan kebajikan, derma mahupun sedekah. Khairat merangkumi makna kebajikan yang menyeluruh kerana ia tidak hanya memfokuskan kepada pungutan kebajikan daripada pihak institusi masjid semata-mata, malah pihak lain juga turut dibolehkan

membuat kutipan serta pungutan dan selalunya ia akan dimasukkan ke dalam tabung khairat kematian (E-Khairat JAWHAR, t.th.).

Dari segi istilah, tafsiran yang diberikan terhadap khairat adalah berbeza kerana ia bergantung kepada perspektif yang ingin dikaji. Misalnya dari perspektif perundangan, tafsiran khairat berdasarkan *Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996* [Akta 554] dapat dimaksudkan dengan harta yang boleh memberi faedah kepada masyarakat sejagat seperti pengurangan atau pambanterasan kemiskinan, aktiviti kemajuan untuk pendidikan, perlindungan alam sekitar dan banyak lagi. Manakala, bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri pula telah menjelaskan bahawa khairat ialah harta yang ditujukan ke arah kebajikan dan kebaikan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam artikel berkaitan *Pengurusan Dana Khairat Masjid daripada Perspektif Perlembagaan, Undang-Undang, Sains Sosial dan Syarak* (Ibhraim et al., 2021).

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa Skim Wang Khairat Kematian merupakan satu skim bantuan yang memberi fokus kepada pengurusan jenazah bagi individu yang menjadi ahli di dalam tabung khairat kematian. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan singkatan SWKK yang merujuk kepada Skim Wang Khairat Kematian di sepanjang penulisan kajian ini.

Selanjutnya, proses pengurusan jenazah adalah satu proses yang melibatkan pelbagai kemahiran tertentu dan tidak semua orang mampu serta tahu akan cara pelaksanaan pengurusannya dengan sempurna. Seajar dengan itu, setiap proses tersebut mempunyai nilai dan kosnya yang tersendiri yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan berkaitan seperti institusi masjid. Sebagai contoh, kos bagi proses memandikan dan mengkafankan jenazah orang dewasa adalah sebanyak RM150.00.

Seterusnya, kos bayaran bagi pengebumian jenazah dewasa pada siang hari misalnya adalah sebanyak RM400.00, dan berbeza pula dengan kos pengebumian jenazah pada waktu malam (Pusat Islam Masjid Universiti, 2020).

Selain itu, kos pengurusan juga berbeza mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu kategori kanak-kanak dan dewasa. Tidak ketinggalan juga, faktor masa turut menjadi perbezaan bagi nilai bayaran dan kos pengurusan jenazah. Ini kerana, kos pengurusan pada waktu malam adalah lebih tinggi sedikit berbanding pada waktu siang. Oleh itu, SWKK memainkan peranan yang cukup penting dalam menjayakan dan melancarkan kesemua proses yang dinyatakan tersebut. Justeru itu, jelaslah di sini bahawa SWKK dilihat mampu memberi manfaat walaupun tidak secara menyeluruh. Namun dengan manfaat yang diterima, sedikit sebanyak dapat meringankan beban ahli keluarga si mati terutamanya dalam proses pengurusan jenazah si mati.

Seterusnya, pengkaji juga merujuk kepada data statistik kematian di Malaysia yang telah direkodkan menunjukkan bahawa peratusan kematian rakyat Malaysia di negara ini telah meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding tahun 2020. Walau bagaimanapun, kematian tersebut adalah seiring dengan kadar peningkatan jumlah penduduk tua di negara ini yang berumur dalam lingkungan 65 tahun dan ke atas (Bernama, 2021). Oleh yang demikian, gambaran terhadap keperluan persediaan bagi seseorang individu terhadap kematian adalah tinggi. Ini kerana, sesebuah kematian tidak hanya disebabkan kepada faktor usia seseorang semata-mata, malah di era globalisasi ini terdapat variasi penyakit yang boleh merisikokan nyawa tanpa disedari dan seterusnya boleh mengundang kepada kematian seseorang. Menurut Najmi Syahiran Mamat (2020), terdapat lima jenis penyakit yang menjadi faktor utama dalam

kematian rakyat Malaysia iaitu sakit jantung, strok, pneumonia (jangkitan kuman paru-paru), asma dan kanser.

Oleh itu, keperluan yang dimaksudkan di sini adalah keperluan menyediakan kos pengurusan dan pengebumian jenazah yang pastinya menjadi satu kepentingan bagi umat Islam agar dapat diuruskan dengan cara yang mulia sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak. Rata-rata orang dewasa terutamanya bagi individu yang telah berumahtangga, mereka lebih menyedari akan kepentingan menyertai SWKK bagi diri sendiri dan tanggungan masing-masing berbanding dengan masyarakat yang masih berada di bawah umur 30-an dan masih belum berumahtangga. Meskipun ada yang sudah mengetahui hakikat kewujudan SWKK ini, masih tidak ramai lagi yang cakna akan kepentingannya disebabkan pelbagai faktor (Gunardi et al., 2023).

Kepentingan SWKK ini dapat dilihat menerusi kepelbagaian manfaat yang mampu diperolehi oleh keluarga si mati. Selain dapat meringankan beban ahli keluarga, ia dapat menyegerakan proses pengurusan jenazah dan mendidik tabiat '*sediakan payung sebelum hujan*' apabila berlakunya sebarang kecemasan atau musibah seperti kematian (Jefri Yusof, 2021). Oleh itu, ini terbuktilah bahawa SWKK berperanan penting terhadap individu dalam menghadapi situasi kematian, lebih-lebih lagi apabila situasi tersebut berlaku secara mengejut. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kesedaran akan kepentingan terhadap pengetahuan SWKK ini harus diberi lebih perhatian sewajarnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kewujudan khairat kematian di Malaysia bermula daripada pertubuhan yang bernama Persekutuan Ikhwan al-Masakin yang bertempat di masjid Jelutong pada tahun 1926. Tujuan utama penubuhan ini ditubuhkan adalah untuk memberi khairat kematian kepada ahli-ahli persekutuan dan tanggungan mereka (Md Salleh bin Md Ghaus, 1976; Ibhram et al., 2017). Khairat kematian merupakan salah satu daripada kebajikan sosial yang telah lama diaplikasikan oleh masyarakat Muslim di Malaysia. Awalnya ia bermula dari institusi masjid dan kini, khairat kematian telah disebarluaskan akan kepentingannya sehinggalah ditubuhkan dan diwujudkan di dalam badan-badan kerajaan yang rata-ratanya telah mewujudkan SWKK bagi para pekerja.

Badan-badan kerajaan yang dimaksudkan ialah seperti Skim Khairat kepada penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang kini telah dijenamakan semula sebagai Skim Khairat Kematian Bantuan Keluarga Malaysia (BKM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan lain-lain lagi (t.p., 2022). Badan kerajaan seperti di atas telah menyediakan peruntukan untuk bantuan pengebumian khas kepada pesara kakitangan kerajaan. Tambahan pula, terdapat beberapa negeri yang turut menyediakan skim khusus bagi tujuan bantuan kos pengebumian seperti di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan (MyPT3, 2021). Setiap negeri memperuntukkan dana serta jumlah faedah yang berbeza dan bagi mendapatkan skim bantuan tersebut, setiap individu perlulah membuat permohonan dan memenuhi syarat kelayakan seperti yang telah ditetapkan (Shahbuddin & Gunardi, 2022).

Tidak ketinggalan juga, terdapat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkhidmat kepada masyarakat dalam membantu proses pengebumian jenazah untuk meringankan beban fakir dan miskin dalam urusan pengebumian. Ini telah memberi gambaran umum bahawa terdapat pelbagai jenis bentuk dana sosial pengebumian dan faedah yang boleh diakses oleh masyarakat Islam di Malaysia (Azlan et al., 2022). Berdasarkan kepada keterangan yang dinyatakan di atas, maka jelaslah khairat kematian mampu memberikan pelbagai kelebihan kepada masyarakat seperti dapat membantu meringankan beban waris, dapat digunakan untuk menyediakan barang keperluan jenazah, dapat mempercepatkan proses pengebumian jenazah, dan akhir sekali, dapat mendidik umat Islam untuk istiqamah dalam bersedekah.

Seterusnya, pengkaji beralih kepada perbincangan dalam bahagian *Maqāṣid Sharī'ah*. Definisi *Maqāṣid Sharī'ah* menurut Al-Raysūnī (1992) ialah “objektif-objektif yang ingin dicapai oleh syariat Islam untuk kepentingan hamba-hambanya ketika mensyariatkan sesuatu hukum”. Manakala, menurut Al-Khādimī (2001) pula menyatakan bahawa, *Maqāṣid Sharī'ah* adalah nama dan gelaran bagi ilmu serta seni syariah Islam dan ia terdiri daripada dua perkataan iaitu ‘*Maqāṣid*’ dan ‘*Sharī'ah*’.

Secara umumnya *Maqāṣid Sharī'ah* membawa maksud tujuan dan hikmah yang telah digariskan oleh syarak dalam ketetapan yang dibenarkan serta rahsia di sebaliknya dengan tujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia (Luqman Tarmizi, 2019). Betapa istimewanya *Maqāṣid Sharī'ah* ini sehinggakan padanya terdapat kepentingan yang tersendiri dalam menilai sesuatu perkara agar ia sesuai dan selari dengan ajaran Islam yang berlandaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah (MAIS, t.th.).

Dapat disimpulkan bahawa *Maqāṣid Sharī'ah* memainkan peranan penting dalam memberi penjelasan dan kefahaman terhadap sesuatu perkara agar dapat diterangkan dengan lebih sempurna akan keperluan dan kepentingannya. Dalam kajian

ini, pengkaji telah membuat perbincangan terhadap SWKK dan memberi fokus kepada isu tadbir urusnya berdasarkan *Maqāsid Sharī'ah*, dan ia dilihat dapat membuka mata pihak pengurusan SWKK untuk sentiasa perbaiki kelemahan pengurusan SWKK di institusi masjid. Selain itu, diharap agar masyarakat sentiasa cakna dan peka dalam kepentingan menyertai SWKK demi kehidupan yang lebih terurus dan terjamin.

1.3 Permasalahan Kajian

Isu utama yang menjadi tunjang kepada permasalahan kajian ini ialah kurangnya perbincangan terhadap sistem pengurusan dan tadbir urus SWKK berteraskan Maqasid Syariah secara berfokus. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan satu usaha rintis dalam membangunkan satu kaedah pengukuran saintifik bagi menerapkan nilai Islam berdasarkan Maqasid Syariah. Usaha ini adalah bertujuan untuk membantu kerajaan menilai dan mengukur tahap piawai pelaksanaan sesuatu pekerjaan mengikut acuan Islam dengan menggunakan model yang dinamakan dengan Indeks Syariah Malaysia yang melibatkan tiga golongan utama iaitu penggubal dasar (pemerintah), pelaksana dasar (agensi pelaksana) dan masyarakat awam (Hassan, 2015). Kewujudan Model Indeks Syariah Malaysia ini menunjukkan bahawa keseriusan pemerintah dalam melaksanakan amanah mengikut landasan syarak berada pada tahap yang tinggi serta secara tidak langsung berharap agar model ini mampu menjadi penanda aras bagi negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mampu dijadikan rujukan dan panduan oleh negara-negara Islam yang lain (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).

Jika dilihat daripada konteks pentadbiran dan pengurusan zakat, kajian secara terperinci telah pun dilakukan oleh ahli akademik bagi memperkasa institusi zakat ke arah institusi yang lebih telus dan dekat dengan masyarakat dengan berpandukan Model

Indeks Syariah Malaysia ini (Siti Noorbiah et al., 2022). Usaha ini secara tidak langsung diyakini mampu menyelesaikan isu-isu berkaitan zakat seperti pencapaian kutipan yang tidak seimbang, aduan berkenaan agihan zakat dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat (Yusoff & Mokhtar, 2021). Rentetan daripada itu, tadbir urus SWKK turut dilihat perlu diperkasa akan sistem pengurusannya ke arah sistem yang lebih jelas dan terancang berdasarkan *Maqāṣid Sharī'ah* yang berpaksikan kehendak syarak bagi melahirkan sebuah sistem yang efisien dan bermanfaat terhadap ummah.

Permasalahan yang kedua adalah kurangnya penjelasan *Maqāṣid Sharī'ah* dalam aplikasi SWKK. Sebagaimana takaful dalam insurans telah mendapat tempat dan penjelasan yang jelas dari aspek *Maqāṣid Sharī'ah* (Othaman, 2010), maka SWKK ini juga perlu diberi penjelasan yang lebih mendalam akan hubungkaitnya terhadap teras utama *Maqāṣid Sharī'ah* khususnya terhadap penjagaan agama dan harta. Hal ini dilihat sangat penting kerana dengan adanya penerangan yang jelas dan kukuh terhadap SWKK, ia dapat membuka mata masyarakat terhadap nilai dan usaha SWKK yang dijalankan di Malaysia adalah selari dengan ajaran agama Islam yang mulia sekali gus dapat mengetengahkan kepentingan SWKK dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, satu kajian terhadap hubungkait SWKK berdasarkan *Maqāṣid Sharī'ah* perlulah dihasilkan.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah penambahbaikan yang boleh diketengahkan terhadap aspek pengurusan dan tadbir urus Skim Wang Khairat Kematian (SWKK) yang diamalkan oleh institusi masjid di negeri Selangor?
- ii. Apakah isu-isu yang berbangkit tentang Skim Wang Khairat Kematian (SWKK)?
- iii. Bagaimanakah *Maqāṣid Sharī'ah* mampu diaplikasikan dalam model tadbir urus Skim Wang Khairat Kematian (SWKK)?

1.5 Objektif Kajian

- i. Untuk mengenal pasti penambahbaikan yang boleh diketengahkan terhadap aspek-aspek pengurusan dan tadbir urus Skim Wang Khairat Kematian (SWKK) di institusi masjid negeri Selangor.
- ii. Untuk mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam tadbir urus Skim Wang Khairat Kematian (SWKK) di institusi masjid negeri Selangor.
- iii. Untuk menganalisis aplikasi *Maqāṣid Sharī'ah* terhadap model tadbir urus Skim Wang Khairat Kematian (SWKK).

1.6 Metodologi Kajian

Penyelidikan ini telah menggunakan kaedah gabungan antara dua metode iaitu kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kajian gabungan ini mampu memberikan implikasi yang besar dan merupakan kaedah yang terbaik dalam mencapai hasil kajian. Terdapat beberapa justifikasi mengapa pengkaji memilih kaedah gabungan dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Kajian berkaitan dengan skop kajian ini tidak banyak dijumpai di dalam penulisan akademik sebelumnya. Oleh itu, pengkaji perlu mengumpulkan maklumat daripada pihak yang berkenaan mengenai SWKK ini secara terus bagi mendapatkan hasil kajian yang baharu dan terkini. Lebih-lebih lagi apabila kajian ini meletakkan isu berbangkit dan konsep sebagai objektif yang ingin dicapai. Oleh itu, dengan memilih kaedah gabungan ini, pengkaji mampu untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan meluas (Creswell, 2003; Dawadi et al., 2021).
- ii. Kedua, setiap kajian mempunyai nilainya yang tersendiri sama ada kaedah secara kualitatif mahupun kuantitatif. Dalam erti kata lain, sekiranya kaedah campuran antara dua kaedah ini diaplikasikan, penghasilan terhadap gambaran yang lebih lengkap dapat diperolehi serta dapat memberi hasil keputusan yang saling melengkapi. Seterusnya, kaedah ini mampu untuk membuka jalan baharu bagi pertanyaan akan datang (Maxwell, 2016; Morgan, 2014).
- iii. Akhir sekali, pendekatan kaedah gabungan juga dapat membantu untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih teliti kerana ia mampu mengimbangi kelemahan dan kelebihan yang ada pada kaedah kuantitatif dan kualitatif

(Plano Clark & Ivankova, 2016). Ini menunjukkan bahawa kaedah kuantitatif boleh menjadi kuat dalam kawasan yang kaedah kualitatif lemah dan sebaliknya. Dalam erti kata lain, setiap satu kaedah mempunyai kesesuaian yang tersendiri dalam menjawab pelbagai jenis soalan. Oleh itu, gabungan kaedah secara kuantitatif dan kualitatif dilihat sangat bersesuaian untuk digunakan dalam menghasilkan kesimpulan dengan lebih tepat.

Oleh yang demikian, reka bentuk kajian ini dilihat sangat sesuai untuk dilakukan memandangkan kajian terhadap SWKK berasaskan *Maqāṣid Shari'ah* masih belum lagi dihasilkan.

1.6.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data memainkan peranan yang sangat penting dalam analisis statistik. Hal ini kerana, ia melibatkan proses mengumpul data, kemudian memahaminya dengan mengumpulkan segmen data ke dalam kod, seterusnya tema, dan akhirnya membuat perbincangan terhadap perspektif yang lebih luas (Kabir, 2016).

1.6.1.1 Kajian Kepustakaan

Sebelum pengkaji melaksanakan kaedah pengumpulan data yang lain, pengkaji akan membuat kajian kepustakaan terlebih dahulu. Kajian kepustakaan bertujuan untuk mengukuhkan dan menjelaskan akan sesuatu perkara. Dalam hal ini, sumber utama yang telah dirujuk ialah sumber primer iaitu seperti al-Quran, hadith dan kitab-kitab Fiqh. Seterusnya, pengkaji juga turut menganalisis sumber sekunder yang melibatkan buku-buku, jurnal, artikel, prosiding, seminar, tesis dan laman web yang berkaitan

dengan kajian. Dalam mendapatkan data kajian kepustakaan, pengkaji telah menggunakan khidmat beberapa perpustakaan yang ada di Malaysia, seperti perpustakaan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

1.6.1.2 Temu Bual

Selain itu, salah satu instrumen lain yang turut digunakan bagi mendapatkan data dalam kajian ini ialah melalui kaedah temu bual. Dalam kajian ini, pengkaji telah melaksanakan dua jenis kaedah temu bual iaitu kaedah temu bual berstruktur dan kaedah temu bual separa berstruktur. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan temu bual berstruktur kerana kelebihan utama bagi kaedah ini adalah, ia mempunyai keseragaman soalan bagi mendapatkan jawapan seterusnya mampu untuk melakukan perbandingan antara data. Pada kebiasaannya, temu bual berstruktur direka untuk mendapatkan jawapan khusus daripada informan mengikut objektif kajian (Rashidi et al., 2014).

Manakala bagi kaedah temu bual separa berstruktur pula, merupakan kaedah yang lebih santai dan bersifat terbuka kerana padanya terdapat gabungan antara soalan berstruktur dan soalan bebas. Menurut Charles Kakilla (2021), temu bual separa berstruktur merupakan satu perbualan yang disifatkan mendalam. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti perbualan secara kritis dengan meneliti pelbagai respon yang ditunjukkan oleh orang yang telah ditemu bual. Selain itu, pengkaji juga dapat menemu bual dengan pelbagai soalan yang merangkumi pelbagai tema. Oleh itu, penerangan

yang telah dinyatakan oleh pengkaji menunjukkan beberapa keistimewaan yang terdapat pada kaedah temu bual separa berstruktur berbanding temu bual berstruktur.

Dalam kajian ini, kaedah temu bual telah dilaksanakan terhadap 11 orang informan dan enam daripadanya melibatkan Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid di empat daerah yang terpilih di negeri Selangor secara separa berstruktur. Seterusnya, lima orang informan yang lain adalah melibatkan seorang Pegawai Hal Ehwal Islam JAIS serta pensyarah-pensyarah di beberapa universiti tempatan di Malaysia seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM). Kesemua informan kajian tersebut telah ditemu bual melalui soalan yang telah ditetapkan sama ada secara berstruktur ataupun separa struktur. Antara informan yang telah ditemubual adalah seperti di berikut:

Jadual 1.1: Butiran Informan Temu Bual

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	En. Ahmad Iskandar bin Muslim	Pembantu Khairat Kematian Masjid Kota Damansara, Petaling
2.	En. Muhammad Ali bin Mohd Yunud	Pengurus Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya
3.	En. Marji bin Saim	Pembantu Pengurus Masjid Alam Impian, Shah Alam
4.	En. Nazammudin bin Mahaudin	Nazir Masjid Kg. Sg. Lang Baru
5.	En. Hamzah bin Ahmad	Bendahari Khairat Kematian Masjid Jamek Ar-Rahimiah, Klang
6.	En. Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam	Pegawai Hal Ehwal Islam Masjid UPM
7.	Dr. Ahmad Irdha Mokhtar	Pensyarah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
8.	Dr. Safwan Harun	Pensyarah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)
9.	Prof Madya Dr. Lukman Abdul Mutalib	Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
10.	Prof. Madya Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar	Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
11.	En. Salami Masri	Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Kesemua maklumat yang diperoleh semasa temu bual telah dianalisis menggunakan pendekatan berikut:

- i. Data temu bual telah direkodkan menggunakan rakaman audio melalui telefon. Kemudiannya, data tersebut dipindahkan ke dalam laporan temu bual melalui kaedah transkripsi, yang ditaip atau ditulis bagi memudahkan proses analisis.
- ii. Proses analisis dilakukan dan dinilai secara manual dengan melakukan proses penampian iaitu penyaringan data. Seterusnya, pengkategorian data mengikut tema dan sub tema tertentu telah dibangunkan oleh pengkaji.
- iii. Akhir sekali, dapatan analisis lengkap dipersembahkan secara analisis deskriptif.

1.6.1.3 Soal Selidik

Kajian ini juga turut menggunakan kaedah soal selidik dalam mendapatkan hasil keputusan kajian yang lebih menyeluruh dan meluas bagi mencapai objektif berkaitan dengan isu-isu terhadap SWKK sama ada dari sudut pandang pihak pengurusan mahupun pihak ahli kariah atau penduduk. Untuk itu, pengkaji telah menggunakan '*Google Form*' yang merupakan salah satu cara yang ideal dalam menghasilkan soalan pendek, carta keputusan dan eksport data untuk dianalisis.

Kajian soal selidik melalui internet telah menjadi penting dan boleh dianggap sebagai satu kemudahan pada masa kini. Ini disebabkan pelbagai faktor antaranya ialah kos yang rendah dalam penyediaan dan pengurusan soal selidik. Seterusnya, keupayaan untuk menjangkau populasi yang besar dalam satu-satu masa, kemudian mampu

mencapai populasi unik dengan mudah dan pelbagai faedah lain (Vasantha & Harinarayana, 2016). Selain itu, terdapat pelbagai pilihan format soalan yang telah tersedia di aplikasi 'Google Form' seperti pembinaan soalan berbentuk kotak teks (*text boxes*), soalan berbentuk pilihan jawapan (*multiple choice question*), soalan berbentuk skala, grid dan pelbagai lagi. Ini menjadikan soalan dapat dirangka dan diinterpretasi mengikut kesesuaian jawapan dengan baik (M. Siva Durga Prasad Nayak & Narayan, 2015).

Berikutan peningkatan terhadap sampel statistik dalam penyelidikan empirikal, satu formula bagi menentukan saiz sampel telah dibina (Krejcie & Morgan, 1970). Kaedah penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan ini telah menjadi pilihan bagi kebanyakan penyelidik sains sosial kerana keunikan yang ada pada kaedah ini iaitu, tidak perlu kepada pengiraan dan bagi populasi yang melebihi 1,000,000, saiz sampel yang diperlukan adalah sebanyak 384 sahaja (Memon et al., 2020). Jadual tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.2:

Jadual 1.2: Jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)

<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Note.—*N* is population size.

S is sample size.

Sumber: *Educational and Psychological Measurement*

Sehubungan dengan itu, pengkaji dikehendaki untuk mencari seramai 384 orang responden yang merupakan bilangan sampel saiz paling besar seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1.2. Ini kerana, populasi rakyat Negeri Selangor secara keseluruhannya ialah seramai 6,994,423 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Kemudiannya,

pengkaji membuat tapisan terhadap ciri-ciri responden yang ingin dicari bagi mencari fokus kajian seperti:

- i. Penduduk yang menetap di negeri Selangor;
- ii. Beragama Islam dan;
- iii. Berumur 20 tahun ke atas.

Hasil kajian mendapati bahawa bilangan statistik terhadap ciri-ciri responden di atas adalah seramai 1,702,839 orang. Oleh itu, kesemua data sama ada mengenai isu khairat kematian melalui pihak pengurusan masjid ataupun ahli kariah dapat diambil dengan baik dan lengkap. Akhirnya, kesimpulan yang menyeluruh akan dapat dirumuskan.

1.6.1.3.1 Kajian Rintis-Soal Selidik

Soal selidik telah diedarkan melalui borang 'Google Form' secara maya dan juga manual. Tindakan pertama yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan menguji soalan borang soal selidik ini melalui kajian rintis. Istilah kajian rintis boleh digunakan sebagai dua cara yang berbeza dalam penyelidikan sains sosial. Pertama, ia merujuk kepada kajian kebolehlaksanaan bagi versi skala kecil. Kedua, ia juga boleh menjadi ujian pra atau percubaan bagi instrumen kajian tertentu (Teijlingen & Hundley, 2002). Menurut Cohen et al., (2013) tujuan utama ujian rintis dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kebolehpercayaan, kesahan dan kepraktisan soal selidik.

Fink (2009) menyatakan bahawa bilangan minimum bagi kajian rintis ialah seramai 10 orang responden. Justeru itu, seramai 20 orang responden telah menjawab soalan bagi kajian rintis ini dan pengkaji mendapati bahawa struktur soalan dalam soal

selidik tersebut perlu disemak dan dibaiki semula bagi meraih kebolehpercayaan yang tinggi dan soalan yang lebih praktikal. Setelah proses pembaikan soalan selesai dilakukan, pengkaji menjalankan kajian soal selidik ini terhadap responden secara rawak. Akhir sekali, pengkaji berjaya mendapatkan seramai 385 orang responden yang telah memberi kerjasama dalam menjawab kajian soal selidik ini.

1.6.2 Analisis Data

Bahagian ini akan membincangkan berkenaan proses analisis data yang telah diperoleh dari fasa pengumpulan data. Analisis data merupakan segmen yang sangat penting bagi setiap penyelidikan. Kaedah berikut telah digunakan oleh pengkaji untuk kajian ini:

1.6.2.1 Pendekatan Induktif

Mohd Irsyad (t.th.) menyatakan bahawa dalam pendekatan induktif, pengkaji memulakan kajian dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian dari sesebuah penyelidikan. Seterusnya berusaha untuk membina satu penjelasan teoritikal daripada hasil tersebut. Kajian ini juga adalah berdasarkan pemerhatian yang spesifik terhadap sesuatu teori. Berdasarkan pendekatan ini, pengkaji telah menggunakannya terhadap objektif mengenal pasti penambahbaikan yang boleh diketengahkan terhadap aspek-aspek pengurusan dan tadbir urus Skim Wang Khairat Kematian (SWKK) di institusi masjid negeri Selangor dan objektif mengenal pasti isu-isu yang timbul di dalam SWKK. Pengkaji juga telah mengumpulkan data-data dan maklumat yang diperlukan bagi mendapatkan dan mewujudkan pengetahuan yang baharu terhadap kedua-dua

objektif ini. Akhir sekali, cadangan-cadangan yang sesuai bagi menambah baik tadbir urus SWKK berdasarkan *Maqāṣid Sharī'ah* telah berjaya dihasilkan seperti yang dirancang.

1.6.2.2 Pendekatan Deduktif

Pendekatan deduktif ialah pendekatan yang memerlukan pengkaji untuk memulakan kajiannya dengan sesuatu teori bagi menjelaskan sesuatu pemerhatian. Dalam erti kata lain, ia merupakan pendekatan untuk membangunkan hipotesis berdasarkan teori sedia ada, dan kemudian merekabentuk strategi penyelidikan untuk menguji hipotesis (Wilson J., 2010; John Dudovskiy, t.th.). Ia bermula daripada persoalan umum kepada maklumat yang terperinci. Melalui pendekatan ini, pengkaji berjaya menghasilkan data dengan lebih tepat dan terperinci kerana pendekatan ini menggunakan kaedah atas ke bawah iaitu '*top-down approach*' (Burney & Saleem, 2008).

Berdasarkan pendekatan ini, pengkaji telah menggunakannya terhadap objektif menganalisis aplikasi *Maqāṣid Sharī'ah* terhadap Skim Wang Khairat Kematian (SWKK). Satu penjelasan antara *Maqāṣid Sharī'ah* dengan amalan SWKK serta tadbir urusnya telah dihasilkan melalui kajian lanjutan terhadap data kepustakaan, temubual dan soal selidik. Kemudiannya, kesemua sumber itu akan dihubungkan antara satu sama lain sehingga dapat membina kaitan *Maqāṣid Sharī'ah* dalam aplikasi dan tadbir urus SWKK seperti yang diharapkan.

1.7 Kajian Lepas

Pengkaji-pengkaji atau para akademik terdahulu telah banyak membincangkan tentang perbahasan khairat kematian dalam mana-mana penerbitan atau penulisan artikel secara umum. Ini bermakna, kajian lepas berkaitan SWKK yang dilaksanakan secara berfokus dari sudut syarak tidak banyak dijumpai secara khusus dan mendalam. Begitu juga kajian tentang pelaksanaan SWKK di sesebuah negeri secara berfokus, ia turut kurang diberi perhatian oleh pengkaji kini secara terperinci. Perkara ini telah menyumbang kepada kekurangan rujukan yang dapat digunakan dan dirujuk oleh para pengkaji mahupun masyarakat terutama umat Islam mengenai konsep SWKK dan aplikasinya di sesebuah negeri serta kaitannya secara khusus dengan konsep *Maqāṣid Sharī'ah*. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini dilihat signifikan untuk dijalankan bagi melihat secara khusus berkaitan konsep SWKK, cabaran pelaksanaannya dan elemen *Maqāṣid Sharī'ah* yang mampu menambah baik sistem tadbir urus semasa agar boleh dijadikan panduan dan rujukan terhadap umat Islam terutamanya bagi pihak institusi masjid yang menguruskan SWKK.

1.7.1 Konsep Skim Wang Khairat Kematian (SWKK) di Malaysia

Di Malaysia, aktiviti pungutan wang khairat kematian telah diamalkan sejak sekian lamanya. Ini dapat dilihat melalui klausa dan peruntukan undang-undang Islam atau Syariah di Malaysia yang membenarkan pelaksanaan atau aktiviti tersebut dijalankan seperti yang telah termaktub di bawah *Akta Pentadbiran Undang-undang Islam* (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], *Enakmen Pentadbiran Agama Islam* (Negeri Selangor) 2003 dan *Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam* (Negeri Perak) 1965. Sebagai contoh, peruntukan undang-undang berkenaan kebenaran

membuat pungutan khairat dan peruntukan berkaitan hukuman menjalankan pungutan khairat tanpa kebenaran telah diperuntukkan di bawah Seksyen 84(5) Akta 505.

Selain itu, dalam kajian yang bertajuk "*Pengurusan Dana Khairat Masjid daripada Perspektif Perlembagaan, Undang-Undang, Sains Sosial dan Syarak*" oleh Ibrahim et al., (2021), hasil kajian ini menyatakan bahawa aktiviti melaksanakan kutipan dana khairat adalah dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah bidang kuasa Perundangan Negeri. Ia dapat dilihat menerusi Seksyen 74(2) Perlembagaan Persekutuan di mana Badan Perundangan sesebuah Negeri mempunyai kuasa dalam hal di bawah Senarai II, Jadual ke-9 Senarai Negeri. Bahkan juga, Shahbuddin & Gunardi (2022) turut mengatakan perkara yang sama apabila hasil kajian mereka mendapati bahawa terdapat beberapa peruntukan undang-undang Islam di Malaysia telah menyentuh tentang pungutan khairat di dalam akta dan enakmennya. Akta dan enakmen tersebut telah dianalisis dalam bentuk jadual seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di bawah. Rajah tersebut merujuk kepada peruntukan terhadap negeri-negeri yang memberi kebenaran terhadap amalan kutipan khairat ini. Antara negeri-negeri yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

AKTA 505 - AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993 - SEKSYEN 84 (1) BAHAGIAN VIII - PUNGUTAN KHAIRAT	<p><i>“Majlis boleh memungut, atau memberikan surat kebenaran dengan terma-terma yang difikirkan patut kepada mana-mana orang atau kumpulan orang, membenarkan orang atau kumpulan orang itu memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah-faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.”</i></p>
ENAKMEN 1 - PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003 - SEKSYEN 106 (1) BAHAGIAN VIII - PUNGUTAN KHAIRAT	
ENAKMEN 2 - TAHUN 2001 ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) - SEKSYEN 90 (1) BAHAGIAN VII - PUNGUTAN KHAIRAT	
ENAKMEN 4 - ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI PULAU PINANG) 2004 - SEKSYEN 106 (1) BAHAGIAN VIII - PUNGUTAN KHAIRAT	
ENAKMEN 10 - ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) 2003 - SEKSYEN 106 (1) BAHAGIAN VIII - PUNGUTAN KHAIRAT	

Rajah 1.1: Peruntukan Undang-Undang Syariah di Malaysia Berkaitan Pungutan Khairat

Ini menunjukkan bahawa tadbir urus wang khairat telah pun termaktub dalam akta perundangan secara nyata dan jelas. Kenyataan ini sejajar dengan kenyataan Mohd Rofaizal Ibhram et et al., (2017) iaitu, istilah khairat di alam Melayu tidak asing lagi bagi masyarakat Malaysia. Malahan, bagi mengukuhkan kebenaran melakukan pungutan khairat kematian ataupun SWKK ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-18 yang telah bersidang pada 25 Februari 1987 juga telah menyatakan kebenaran serta keharusan melakukan kutipan wang khairat (JAKIM, 2021). Oleh itu, jelaslah di sini bahawa tiada isu atau halangan bagi mana-mana institusi masjid untuk melaksanakan aktiviti kutipan wang khairat.

Pada penelitian pengkaji, perbincangan yang telah dihuraikan di atas adalah hanya tertumpu kepada aspek atau perspektif amalan undang-undang semata-mata tanpa membuat perbincangan secara terperinci berkaitan SWKK di Malaysia. Kajian-kajian lepas hanya memfokuskan tentang SWKK secara umum tanpa memberi penekanan terhadap konsep SWKK dari sudut syarak seperti perkara yang berkaitan dengan sumber pensyariaan, rukun dan syarat SWKK secara asas. Penekanan tentang konsep asas SWKK secara dasar bermula daripada pengetahuan umum wajar dibincangkan oleh para pengkaji kini. Justeru itu, kelompangan terhadap pengenalan konsep SWKK secara terperinci wajar dikaji dengan lebih mendalam agar kefahaman berkaitan hal tersebut dapat difahami dengan baik oleh semua lapisan masyarakat.

Selain itu, kajian sebelumnya juga hanya membincangkan tentang hukum terhadap pembiayaan kos pengurusan jenazah yang menggunakan wang khairat kematian. Kenyataan ini telah dihuraikan secara jelas oleh Muhd Farhan (2019) di dalam Irsyad al-Fatwa Siri ke-339 berkenaan isu pembiayaan kos pengurusan jenazah menggunakan wang orang lain dan bukannya daripada wang peninggalan si mati. Kajian ini telah menjelaskan bahawa, sekiranya jenazah tergolong dalam kalangan orang fakir dan tiada sebarang harta untuk menguruskan jenazah, maka tanggungjawab menguruskan jenazahnya perlu dipikul oleh orang yang menyaranya. Sekiranya tiada, perbelanjaan pengurusan jenazah tersebut akan diambil daripada Baitul Mal. Sekiranya tiada, tanggungjawab tersebut akan dipikul oleh orang-orang Islam yang kaya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, tiada larangan untuk menggunakan harta orang lain dalam perbelanjaan pengurusan jenazah. Polemik ini telah memberi satu pencerahan terhadap keperluan menggunakan wang khairat kematian ketika berlakunya kematian.

Sahabuddin (2004) di dalam kajiannya pula telah membincangkan perbezaan sistem khairat kematian yang diamalkan oleh masyarakat terdahulu (tradisional) dan juga moden. Sistem tradisional adalah dengan menggunakan sistem manual iaitu kutipan secara tabungan bersama, manakala sistem moden adalah sistem yang lebih terkehadapan dan mengikut asas-asas saintifik berpandukan prinsip aktuari melalui Takaful. Pada penelitian pengkaji, kajian-kajian sebelumnya hanya memberi fokus kepada perbincangan berkaitan hukum pembiayaan kos pengurusan jenazah menggunakan wang khairat kematian serta perbezaan antara sistem terdahulu dan moden. Sebaliknya, kajian berkaitan amalannya di Malaysia yang lebih menjurus kepada sesebuah negeri secara khusus dilihat kurang diberikan perhatian dan ia wajar dibincangkan oleh para pengkaji kini.

Seterusnya, Ramli et al., (2014) telah membincangkan secara terperinci akan peranan fatwa, model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid serta analisis fatwa. Hasil kajian mendapati bahawa keutamaan pembangunan sektor sosial dilihat perlu diperkasakan di samping tidak mengetepikan sektor perniagaan agar dapat menyeimbangkan kelangsungan aktiviti sosial. Walau bagaimanapun, perbincangan tersebut bersifat terhad kerana tiada perbincangan khusus berkaitan peranan khairat kematian atau aktiviti pungutan khairat melalui SWKK sebagai salah satu inisiatif yang dapat membantu dalam aspek pembangunan sektor sosial. Ini kerana, amalan pelaksanaan pungutan khairat di bawah institusi-institusi masjid merupakan salah satu aktiviti sosial yang mampu memberi manfaat kepada sesebuah keluarga. Ia juga merupakan salah satu kepentingan bagi umat Islam dalam hal-hal berkaitan pengurusan jenazah yang membawa kepada satu keperluan Fardu Kifayah dalam Islam.

Sekiranya transformasi khairat kematian dapat dilaksanakan, ia akan memberi natijah yang positif kepada masyarakat dalam sesebuah penduduk setempat, bahkan kepada bangsa. Walaupun terdapat kepelbagaian institusi seperti bank, syarikat takaful dan lain-lain yang menawarkan program dan faedah seperti khairat kematian (Mahmat, 2014), tetapi masih kurangnya khairat kematian yang menawarkan faedah sebagai mini koperasi di peringkat akar umbi setakat ini. Hasan Bahrom & Rawi Nordin (2015) turut menyatakan bahawa, penekanan serta tumpuan terhadap tadbir urus dana khairat adalah diperlukan bagi membentuk sebuah mekanisme yang sistematik dan terbaik dalam penyaluran dana kecemasan seperti kematian, demi kebaikan serta kebajikan sesebuah institusi mahupun organisasi masyarakat.

Selain itu, dalam kajian yang telah dijalankan oleh Azlan et al., (2022) yang bertajuk "*An Analysis of Regulation and Governance for Funeral Social Fund in Malaysia*", penyelidik telah menghuraikan peraturan dan cara pengelolaan terhadap dana sosial pengebumian di negara luar seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Belgium, Singapura dan Norway. Kajian ini mendapati bahawa pengurusan dana khairat kematian di Malaysia memerlukan peraturan dan peruntukan yang khusus kerana ia melibatkan transaksi bayaran, hak ahli, tata kelola dan pelantikan jawatankuasa. Semua perkara ini perlu diberi pemerhatian dan pemantauan oleh pihak yang berkaitan. Sungguhpun begitu, kajian berkaitan pengurusan dana khairat kematian di Malaysia yang lebih bersifat khusus berdasarkan aplikasi di sesebuah negeri juga perlulah dikaji bagi mengenal pasti isu-isu kontemporari yang telah timbul. Oleh itu, kajian berkaitan konsep SWKK di Malaysia wajar diperluaskan dan dibincangkan dengan lebih berfokus.

1.7.2 Cabaran terhadap Pengurusan Skim Wang Khairat Kematian (SWKK)

Kajian yang telah dijalankan oleh Ramli et al., (2014) dalam bukunya yang bertajuk “*Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid*” telah menghimpunkan keseluruhan bab mengenai perbincangan berkaitan masjid bermula daripada peranan masjid sehinggalah kepada kajian lapangan. Kajian ini turut membincangkan tentang beberapa cabaran dan masalah dalam pengurusan ekonomi kewangan masjid. Antaranya adalah sumber tenaga manusia yang terhad dan kebanyakannya adalah daripada kalangan warga tua khususnya masjid di kawasan kampung. Di samping itu, ketiadaan asas kewangan yang penting turut memberi kesan terhadap pengurusan ekonomi masjid. Memandangkan asas kepada kelancaran SWKK adalah melibatkan kewangan, maka kajian yang menyentuh kepada kesedaran ilmu yang kukuh terhadap pentadbiran pengurusan kewangan di sesebuah institusi masjid negeri wajar dijalankan oleh pengkaji kini dengan lebih khusus bagi menangani isu-isu berkaitan pengurusan kewangan dengan lebih berkesan.

Selain itu, dalam kajian yang telah dijalankan oleh Firdaus & Dewi (2019), penyelidik mendapati bahawa Skim Khairat yang kebanyakannya diuruskan oleh pentadbir masjid mempunyai beberapa cabaran yang harus difahami oleh pihak berkepentingan, iaitu kewajipan untuk menjaga kelangsungan usaha kerjasama dan perpaduan. Pihak pengurusan juga dikehendaki untuk mengendalikan dana secara profesional supaya mereka bukan sahaja dapat mencari keuntungan dalam menguruskan dana *tabarru'*, tetapi juga mampu untuk mengimbangi kerugian yang menimpa ahlinya dan ahli lain yang kurang berkemampuan.

Selain itu, terdapat juga kajian-kajian lain yang menyentuh tentang cabaran pengurusan SWKK. Beberapa cabaran berkaitan SWKK tersebut telah dinyatakan

dalam kajian yang telah dijalankan oleh Halimatus et al., (2022) dan Miza et al., (2019). Cabaran yang dimaksudkan adalah mengenai kesedaran yang rendah dalam kalangan masyarakat awam terutamanya yang melibatkan individu yang tinggal di kawasan bandar, golongan muda dan mereka yang kurang melibatkan diri dengan masjid. Kedua, kelewatan pembayaran yuran tahunan sehingga menyebabkan pihak pengurusan perlu bekerja keras untuk mencukupkan dana yang diperlukan. Ketiga, perbezaan kos pengebumian dari satu tempat ke satu tempat yang lain disebabkan oleh ketiadaan badan berkuasa yang memantau aktiviti pungutan khairat dan isu ini telah menyebabkan berlakunya manipulasi terhadap bayaran yang sepatutnya dikenakan kepada sesebuah keluarga atau ahli kariah.

Keempat, cabaran dari aspek strategi pelaburan yang terhad disebabkan oleh pihak pengurusan yang hendak mengelak daripada mengambil sebarang risiko dalam pelaburan sedangkan pada hakikatnya, pihak pengurusan SWKK boleh mengukuhkan dasar formal pelaburannya dan mencari inovasi strategi atau produk pelaburan yang kompetitif untuk mengembangkan dana yang ada sekali gus membolehkan ahli untuk memperoleh lebih banyak faedah. Kelima, Pembatalan *Coverage and Uncover Group* (bagi pihak SWKK yang bekerjasama dengan Pengendali Syarikat Takaful) kerana kelewatan bayaran ahli mengikut tarikh akhir pembayaran turut memberikan kesan kepada pencarum dan hal ini secara tidak langsung akan menyekat ahlinya untuk menerima manfaat daripada caruman.

Akhir sekali, cabaran yang akan dihadapi juga dapat dilihat dari segi perbezaan yuran dan faedah dana atau manfaat yang diterima oleh ahli SWKK. Ini kerana kebiasaannya pihak pengurusan SWKK hanya akan menetapkan kadar yuran dan faedah berdasarkan persetujuan (*musyawarah*) sesama mereka sahaja. Misalnya, Ashari

(2019) menyatakan bahawa kebiasaannya, yuran yang dikenakan adalah serendah RM30 pada setiap bulan atau RM500 seumur hidup, dan ia bergantung kepada kawasan dan pengurusan sesuatu tempat. Situasi ini menunjukkan bahawa perlunya kepada pengurusan yang progresif dan inovatif sehingga membolehkan pengurusan tersebut dilaksanakan dengan mudah, terutamanya pada era digital kini. Oleh itu, sebuah kajian yang menyentuh berkenaan hal tersebut wajar dijalankan dengan lebih menyeluruh dan terperinci.

Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa terdapat produk perniagaan yang mirip dengan SWKK iaitu dikenali sebagai Perusahaan Sosial Perkhidmatan Penjagaan Kematian Islam (*Islamic Bereavement Care Services Social Enterprise Model*) seperti MyJenazah.Com yang menjamin pengurusan pengebumian yang lebih sistematik (Katan & Nasrijal, 2020). Dengan adanya kewujudan perusahaan sosial dalam perkhidmatan pengurusan jenazah, situasi ini jelas menunjukkan bahawa pengurusan SWKK sedia ada di institusi masjid perlu kepada pemerksaan dan penambahbaikan yang tuntas bagi mencapai sistem pengurusan yang berkualiti setanding dengan badan perkhidmatan sosial berbentuk swasta. Oleh itu, kajian yang menyentuh kepada sesebuah isu dan cabaran secara khusus perlu dijalankan dengan cadangan penyelesaian yang sewajarnya.

Pada penelitian pengkaji, satu usaha untuk menganalisis pengurusan SWKK perlulah dilaksanakan bagi memperkukuh pengurusan khairat kematian yang sedia ada supaya dapat membantu dalam membasmi kemiskinan pengebumian yang masih wujud (Corden & Hirst, 2015; Halimatus et al., 2022). Analisis terhadap cabaran dan isu semasa yang timbul dalam pengurusan SWKK melibatkan institusi masjid di sesebuah negeri juga perlu diberi perhatian dengan lebih khusus dan mendalam. Oleh yang

demikian, kajian untuk memasukkan lebih banyak sampel (kualitatif dan kuantitatif) meliputi semua pengurusan khairat kematian di Malaysia adalah diperlukan. Ini kerana, SWKK berpotensi untuk menjadi model pengurusan yang mampu memberi manfaat ke tahap optimum kepada umat Islam.

1.7.3 Konsep *Maqāṣid Sharī'ah* dan Peranannya Dalam Konteks Tadbir Urus

Berbicara tentang *Maqāṣid Sharī'ah* pula, menurut Ibn °Ashūr (2001), *Maqāṣid Sharī'ah* ialah satu tujuan dan objektif yang ingin dicapai oleh syarak melalui pensyariatian hukum yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Terdapat beberapa bahagian *Maqāṣid Sharī'ah* yang telah dibahagikan oleh para ulama yang berasaskan kepada ijihad melalui penelitian yang mendalam terhadap dalil-dalil syarak. Alias et al., (2018) telah menganalisis pandangan tokoh terkemuka dalam Mazhab Syafie berkenaan *Maqāṣid Sharī'ah* dan hasil kajian tersebut mendapati bahawa mazhab Syafie (selari dengan mazhab yang diamalkan oleh penduduk Islam di Malaysia) menyatakan bahawa *Maqāṣid Sharī'ah* adalah salah satu sandaran hukum yang penting dalam kehidupan manusia. Ini kerana setiap perkara yang mempunyai kebaikan mahupun keburukan walaupun sedikit perlu diperkukuhkan hukumnya berdasarkan prinsip *Maqāṣid Sharī'ah*. Sungguhpun begitu, kajian tersebut tidak menyentuh tentang penerangan oleh ulama terdahulu secara khusus berkaitan SWKK dan kaitannya dengan *Maqāṣid Sharī'ah* yang mana merupakan satu medium untuk mencapai kebaikan dalam kehidupan.

Seterusnya, Ibrahim (2019) telah meneliti sejarah *Maqāṣid Sharī'ah* yang telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W sehingga kini iaitu era globalisasi. Penjelasan daripada pelbagai sudut telah diberikan merangkumi sejarah *Maqāṣid*

Sharī'ah dan aplikasinya pada zaman Nabi Muhammad S.A.W serta pendekatan kaedah *Maqāṣid Sharī'ah* yang dilaksanakan pada zaman Sahabat, ulama terdahulu dan juga ulama kontemporari. Hasil kajian ini mendapati bahawa, melalui kefahaman yang jelas terhadap *Maqāṣid Sharī'ah*, ia dilihat mampu memberi tanggapan yang murni dan mulia terhadap agama Islam kerana telah menjadikan setiap tindak-tanduk seorang Muslim itu adalah relevan sepanjang masa. Ini menunjukkan betapa unik dan sempurnanya agama Islam kerana mempunyai *Maqāṣid Sharī'ah* sebagai landasan dan prinsip yang kukuh dalam menentukan sesuatu perkara sama ada bertepatan dengan syarak ataupun sebaliknya. Justeru itu, sekiranya sebuah kajian dijalankan berkaitan konsep *Maqāṣid Sharī'ah* dan kaitannya dengan SWKK, ia pasti akan memberikan kefahaman dan gambaran yang jelas berkenaan manfaat serta kepentingannya terhadap hal tersebut.

Terdapat juga kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Azli et al., (2011) berkaitan aplikasi *Maqāṣid Sharī'ah* serta kaedah-kaedah Fiqh di dalam sistem kewangan Islam secara umum. Begitu juga dengan kajian Afridi (2016) yang telah menjelaskan perkara yang sama. Gunardi et al., (2022) menambah bahawa SWKK sangat berkait rapat dengan sistem kewangan Islam melalui prinsip *ta'awun* yang selari dengan Syarak. Adapun begitu, ini menunjukkan bahawa keperluan kepada kajian terhadap hubungan kait sesuatu perkara dengan *Maqāṣid Sharī'ah* dilihat perlu lebih banyak dijalankan oleh para ilmuwan dan pengkaji pada masa kini.

Selain itu, Saat et al., (2019) di dalam kajiannya yang bertajuk "*Maqasid Syariah Dalam Urus-Tadbir*", penyelidik telah menjelaskan betapa pentingnya hubungan antara *Maqāṣid Sharī'ah* dengan tadbir urus. Ia tidak boleh dipisahkan bagi menjamin dan memelihara keperluan semua pihak. Oleh itu, sebagaimana pentingnya

kaitan *Maqāṣid Sharī'ah* dengan tadbir urus di dalam kehidupan, begitu juga pentingnya *Maqāṣid Sharī'ah* di dalam tadbir urus SWKK bagi melahirkan masyarakat yang celik terhadap persediaan pengurusan jenazah.

Maqāṣid Sharī'ah juga harus diaplikasikan di dalam sesebuah pengurusan dan tadbir urus sebagai penanda aras dalam sesuatu pentadbiran supaya tiada isu dan masalah yang akan berlaku dalam membuat sesuatu keputusan (Yusoff & Mokhtar, 2021). Ia juga demi memastikan sesuatu tadbir urus yang dijalankan itu tidak memberi kesan yang buruk dan melanggar prinsip-prinsip Islam. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan bahawa perlunya satu kajian secara terperinci mengenai rangka yang jelas terhadap tadbir urus berasaskan *Maqāṣid Sharī'ah* dalam tadbir urus SWKK.

Kesan sekiranya penerapan elemen *Maqāṣid Sharī'ah* dalam semua aspek kehidupan khususnya dalam hal pengurusan melibatkan pungutan khairat ialah, ia boleh memberikan nilai-nilai kesejahteraan sepertimana yang telah dianjurkan oleh ajaran Islam. Memandangkan SWKK boleh dikategorikan sebagai pengurusan kebajikan sosial yang menguruskan kewangan selari dengan *maṣlahah* ummah, ia dilihat dapat memberi manfaat yang pelbagai bahkan manfaatnya boleh dikembangkan dengan lebih meluas sekiranya tadbir urus SWKK ini diperhalusi, diteliti dan diperkasa pengurusannya berdasarkan konsep *Maqāṣid Sharī'ah*. Akhir sekali, skim ini juga dilihat mampu menjadi pendokong ekonomi Islam yang besar terutamanya dalam kos pembiayaan dan pengurusan jenazah umat Islam.

Bahkan, Azman et al., (2018) telah menyatakan kepentingan dan peranan *Maqāṣid Sharī'ah* tidak hanya tertumpu kepada penentuan dalam sesuatu permasalahan hukum, malahan penggunaannya adalah lebih meluas untuk diaplikasikan dalam sistem pembangunan sesebuah negara Islam. Sebagaimana yang telah diakui oleh bekas

Perdana Menteri keenam Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah menerapkan elemen *Maqāsid Sharī'ah* pada pemerintahan terdahulu dan aplikasi amalan tersebut penting dalam aspek penjagaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dalam pemerintahan sesebuah kerajaan (Ariffin, 2017). Walau bagaimanapun, perbincangan wajar diperluaskan dengan menghuraikan dan meneliti kelima-lima asas objektif Syariah terhadap amalan SWKK dalam sesebuah tadbir urus secara khusus.

Seterusnya, dalam kajian yang bertajuk "*The Role of Maqasid Shariah and Islamic Religiosity in Tourism Perspectives*" oleh Musa & Mohd Zaidi (2020), penyelidik telah menghuraikan dengan lengkap dan jelas akan kerangka *Maqāsid Sharī'ah* dalam perspektif pelancongan Islam berdasarkan kepentingan *darūriyyāt* yang mewakili lima aspek kepentingan utama iaitu dari sudut penjagaan agama, akal, nyawa, keturunan dan harta. Ini kerana, dalam konteks pelancongan Islam, agama dan kepercayaan pelancong bagi seseorang Muslim mampu menggambarkan keagamaan mereka. Dengan adanya panduan kerangka *Maqāsid Sharī'ah* terhadap aktiviti pelancongan Islam, maka penerapan konsep dan nilai Islam dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun. Meskipun begitu, kajian tersebut hanya terhad membincangkan tentang kerangka *Maqāsid Sharī'ah* dalam perspektif pelancongan Islam. Masih tiada lagi penulisan dan kajian yang terperinci yang memberi fokus terhadap SWKK dan *Maqāsid Sharī'ah* sepertimana kajian-kajian yang telah dinyatakan di atas.

Abdullah et al., (2020) mengulas di dalam kajiannya yang bertajuk "*Pelaksanaan Amanah Takaful Di Malaysia: Analisis Menurut Perspektif Maqasid Syariah*", penyelidik telah menyatakan bahawa hubung kait antara amanah takaful dan *Maqāsid Sharī'ah* (*hifz māl*) dapat dicapai menerusi konsep amanah takaful daripada

perspektif *Maqāṣid Sharī'ah* seperti yang telah dinyatakan di dalam kajiannya. Ini menunjukkan bahawa amanah takaful mampu memberi jaminan seperti yang diharapkan oleh setiap pencarum selari dengan objektifnya yang bertepatan dengan salah satu konsep *Maqāṣid Sharī'ah* iaitu *hifz māl*. Namun begitu, SWKK dilihat masih belum mempunyai penerangan terhadap hubung kaitnya dengan *Maqāṣid Sharī'ah* yang mana dengan adanya penerangan sebagaimana amanah takaful, sedikit sebanyak ia mampu memberi kefahaman dan kesedaran terhadap masyarakat awam dalam mencarum SWKK sebagai persediaan menghadapi kematian.

Secara rumusannya, dapatlah dilihat bahawa kajian-kajian lepas kurang membincangkan tentang perbincangan terhadap konsep *Maqāṣid Sharī'ah* dan kaitannya dengan SWKK dari sudut hubungan amalan ini dengan *Maqāṣid Sharī'ah* serta terhadap tadbir urus SWKK itu sendiri. Sehubungan itu, pengkaji akan menjalankan sebuah kajian yang menyeluruh dan mendalam terhadap kaitan SWKK serta tadbir urusnya dengan *Maqāṣid Sharī'ah* bagi melakukan penambahbaikan melalui pendekatan Islam dan melihat sejauh mana SWKK yang diamalkan di institusi masjid khususnya di negeri Selangor ini menepati prinsip *Maqāṣid Sharī'ah*. Memandangkan kajian ini merupakan kajian awal *Maqāṣid Sharī'ah* dalam bidang khairat kematian, maka fokus pengkaji hanya tertumpu kepada tingkatan *Maqāṣid Sharī'ah* dan prinsip-prinsip asas *Maqāṣid Sharī'ah*. Usaha ini diharapkan dapat mengisi kelompangan informasi akademik semasa dan memberikan informasi yang mendalam serta rujukan yang lebih berkaitan SWKK di Malaysia.

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap penyelidikan akan memberi impak di akhir kajian agar wujudnya nilai dalam sesebuah penyelidikan. Begitu juga dengan kajian ini iaitu berkaitan SWKK dan *Maqāṣid Sharī'ah*, yang diharapkan agar mampu memberi impak yang besar kepada masyarakat, kerajaan dan literatur akademik.

1.8.1 Kepentingan kepada Masyarakat

Secara amnya, kajian ini mampu memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan SWKK dan kaitannya dengan *Maqāṣid Sharī'ah* agar dapat membuka mata masyarakat terhadap nilai SWKK di dalam Islam. Seterusnya, kajian ini juga dilihat dapat melahirkan individu yang cakna akan kepentingan SWKK pada masa akan datang khususnya terhadap kepentingan persediaan dalam pengurusan jenazah.

1.8.2 Kepentingan kepada Kerajaan

Memandangkan institusi masjid adalah institusi di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kajian ini dilihat penting agar dapat menambah baik tadbir urus SWKK melalui pendekatan *Maqāṣid Sharī'ah* dan seterusnya dapat menjadikan institusi masjid dipandang tinggi serta disegani khususnya di negara Malaysia. Selain itu, kajian ini juga dilihat mampu menambah wawasan khazanah intelektualiti dalam kajian pengurusan harta Islam.

1.8.3 Kepentingan kepada Literatur Akademik

Hasil kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada ahli akademik, para penyelidik, pelajar dan juga pihak institusi-institusi masjid di Malaysia sebagai pemerkasaan dan penambahbaikan dalam bidang khairat kematian dari semasa ke semasa.

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberi penjelasan terhadap konsep pengurusan tadbir urus SWKK secara lebih mendalam. Seterusnya, kajian ini juga berjaya merungkai dan menentengahkan isu-isu berbangkit berkaitan SWKK dengan lebih terperinci. Di samping itu, kajian ini juga telah berjaya memberi penerangan akan kaitan *Maqāṣid Sharī'ah* terhadap SWKK khususnya dari sudut tadbir urus sekali gus ilmu terhadap kesedaran SWKK dapat dipupuk setelah kajian ini mendapati bahawa SWKK adalah selari dengan kepentingan yang terdapat dalam *Maqāṣid Sharī'ah*. Tidak ketinggalan juga, tadbir urus SWKK juga dilihat mampu mencapai objektif Syariah yang mantap sekiranya garis panduan atau tata kelola pengurusan SWKK menepati kriteria dan prinsip asas *Maqāṣid Sharī'ah*. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat menambah baik sistem tadbir urus melalui pendekatan *Maqāṣid Sharī'ah* supaya SWKK dapat menjadi satu platform pengurusan jenazah yang diyakini oleh masyarakat seterusnya dapat membentuk pengurusan SWKK yang lebih efisien, cekap, cakna dan progresif pada masa akan datang.

1.9 Skop dan Limitasi Kajian

Skop kajian dalam penyelidikan ini hanya tertumpu kepada isu pengurusan tadbir urus SWKK di institusi masjid dan ia tidak menyentuh kepada pengurusan selain daripada itu seperti pengurusan pengimarahannya masjid, aktiviti masjid, ekonomi masjid dan lain-lain. Ini kerana, penerangan dan penjelasan terhadap tadbir urus SWKK masih belum lagi dibincangkan secara mendalam oleh mana-mana pengkaji sebelumnya. Manakala dari sudut tempat pula, kajian ini hanya memfokuskan kepada lima (5) kategori masjid pengurusan di sekitar negeri Selangor iaitu masjid di bawah kategori Masjid Diraja, Masjid Pengurusan, Masjid Daerah, Masjid Kariah dan Masjid Institusi. Hal ini kerana, tadbir urus masjid di negeri Selangor di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) diyakini mampu mewujudkan tadbir urus yang terbaik (Mohd Zoki, 2019). Oleh itu, pengkaji telah memilih sebuah masjid bagi setiap kategori.

Selain itu, kajian ini juga merupakan satu kajian rintis memandangkan masih tiada lagi kajian yang dilaksanakan terhadap SWKK di institusi masjid secara berfokus. Oleh yang demikian, kajian yang lebih terperinci terhadap keseluruhan masjid di sekitar negeri Selangor dilihat boleh dilaksanakan dalam penyelidikan akan datang yang berskala lebih besar dan bersifat menyeluruh. Akhir sekali, analisis kajian ini hanya tertumpu kepada analisis menerusi *Maqāṣid Sharī'ah* sahaja kerana ia dilihat mampu menjadi dasar kepada tadbir urus yang cemerlang serta menjadi asas kefahaman Islam yang utuh khususnya kepada masyarakat awam secara tidak langsung mampu memberi pendedahan terhadap kepentingan sesuatu perkara dan kaitannya dengan *Maqāṣid Sharī'ah*.

1.10 Kesimpulan

Sebagai rumusnya, bab ini telah membincangkan justifikasi terhadap kepentingan dan keperluan untuk menjalankan kajian ini. Ini kerana, seiring pertumbuhan ilmu yang semakin meluas serta kecanggihan zaman teknologi, ia secara tidak langsung telah memainkan peranan yang sangat penting dalam penyebaran maklumat, dan penyelidikan terhadap bidang khairat kematian adalah relevan untuk dikaji memandangkan masih tiada lagi kajian secara berfokus mengenai konsep SWKK serta kaitannya dengan *Maqāṣid Sharī'ah* yang telah dijalankan.

Oleh itu, diharapkan agar ilmu pengetahuan tentang SWKK dan *Maqāṣid Sharī'ah* dapat membuka mata masyarakat khususnya kepada pihak pengurusan SWKK dan umumnya kepada seluruh umat Islam akan kepentingan *Maqāṣid Sharī'ah* dalam setiap aktiviti seharian termasuklah SWKK. Di samping itu, ilmu tentang *Maqāṣid Sharī'ah* turut dapat disebarluaskan kepada masyarakat umum sekali gus dapat memartabatkan kedudukan Islam yang syumul dan unik sepanjang zaman.